

<b>Headline</b>	<b>1.6 juta petani, pemain industri terlibat Banci Pertanian 2024</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>18 Dec 2023</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>140,000</b>
<b>Page No</b>	<b>18</b>	<b>Readership</b>	<b>420,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>412 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 8,734</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 26,203</b>



## 1.6 juta petani, pemain industri terlibat Banci Pertanian 2024

**TANJUNG MALIM** - Dianggarkan sebanyak 1.6 juta petani dan pihak terlibat dalam sektor pertanian terlibat dalam Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bermula Julai tahun depan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, jumlah itu berdasarkan dapatan yang diperolehi sejak ini melibatkan kumpulan petani, pemegang kecil serta pertubuhan syarikat-syarikat besar yang berkaitan dengan pertanian.

Menurutnya, hasil kerja awalan, DOSM tahun ini telah pun melaksanakan sesi libat urus dan interaksi termasuk menyediakan soal selidik kepada 200 agensi peringkat Persekutuan dan lebih 1,000 agensi peringkat daerah.

"Selepas melaksanakan sesi libat urus ini, kita telah mengadakan pengambilan *data base* yang ada di agensi-agensi berkenaan, semua data ini sedang melalui proses integrasi.

"Peringkat awal ini, kita dapat banyak jurang dan ada ter-

dapat data-data yang tidak konsisten, jadi untuk mengharmonikkannya, kita adakan permukiman bancian pertanian di setiap 156 daerah," katanya.



Mohd Uzir (empat dari kiri) menyempurnakan gimik penanaman pokok sempena Program Penghijauan Malaysia, Banci Pertanian 2024 di Institut Latihan Statistik Malaysia dekat Sungkai, pada Ahad.



Mohd Uzir (duduk di tengah) mendengar penerangan mengenai teknik penanaman pokok daripada wakil FRIM.

Beliau berkata demikian sempena Program Penghijauan Malaysia, Banci Pertanian 2024 di Institut Latihan Statistik Malaysia dekat Sungkai di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Ismail Parlan.

Pada program itu, sebanyak 350 anak pokok ditamam di tapak semaihan seluas 0.68 hektar sebagai usaha memperbaikkan ruang hijau dan kawasan berpokok di

Institut Latihan Statistik Malaysia.

Antara spesies pokok yang ditanam ialah pokok buah dan pokok hutan termasuk pokok jambu, cermai, beruas, sentul, jering, pelung, gajus, kantan, meranti tembaga dan meranti seraya.

Mohd Uzir memberitahu, kali terakhir Malaysia menjalankan Banci Pertanian adalah pada 2005 iaitu hampir 20 tahun lalu.

Justeru katanya, banci berskala besar ini dilaksanakan

meliputi bancian ke atas isi rumah dan pertubuhan perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pertanian iaitu tanaman makanan dan komoditi, ternakan, perikanan dan akaukultur serta pembalakan serta perhutanan.

"Maklum balas yang diterima cukup positif yang mana semua agensi menaruh harapan tinggi dan turut memerlukan pengumpulan data-data dari bancian itu.

"Data-data ini akan digunakan untuk perancangan masa

hadapan termasuk penggunaan teknologi, isu-isu modernisasi dalam sektor pertanian dan penyaluran bantuan kerwangan," katanya.

Untuk rekod, pelaksanaan Banci Pertanian pada 2024 adalah sejajar dengan resolusi Food and Agriculture Organisation (FAO) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mengerakkan semua negara melaksanakan banci pertanian dengan kekerapan sekali dalam tempoh 10 tahun.